



National Mortgage Corporation of Malaysia

## CAGAMAS KUMPUL RM2.2 BILION PADA OKTOBER DI TENGAH-TENGAH PERSEKITARAN PASARAN YANG MENCABAR

**Kuala Lumpur, 8 November 2024 –** Cagamas Berhad (“Cagamas” atau “Syarikat”), Perbadanan Cagaran Malaysia, mengumumkan bahawa ia telah berjaya mengumpul sebanyak RM2.2 bilion pada Oktober. Jumlah ini terdiri daripada RM400 juta dalam Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) 5 tahun, RM100 juta dalam Nota Jangka Sederhana Konvensional (CMTN) 1 tahun, RM575 juta dalam Kertas Komersial Islam (ICP), dan RM150 juta dalam Kertas Komersial Konvensional (CCP). Tambahan SGD305 juta (bersamaan RM1 bilion) telah diterbitkan dalam Nota Jangka Sederhana Dolar Singapura (SGD EMTN) 1 tahun melalui anak syarikat milik penuh Syarikat, Cagamas Global P.L.C.

Kameel Abdul Halim, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas berkata, “Kejayaan penutupan aktiviti pengumpulan dana kami pada bulan Oktober, walaupun turun naik berterusan dalam pasaran pendapatan tetap tempatan dan global, menegaskan semula peranan kami sebagai syarikat gadai janji sekunder dalam menyediakan kecairan kepada pemberi pinjaman utama pembiayaan rumah dan pinjaman perumahan.”

Kameel menambah, “Permintaan terhadap bon mata wang asing Cagamas kekal berdaya tahan merentasi pelbagai profil pelabur. Terbitan SGD telah dilanggan sepenuhnya oleh pelabur asing, termasuk pengurus aset dan institusi kewangan. Terbitan terbaharu ini telah menjadikan terbitan terkumpul berdenominasi SGD bagi tahun ini kepada SGD525 juta, dengan jumlah dana yang dikumpul oleh Cagamas mencecah RM15.2 bilion pada Oktober 2024.”

Bon denominasi SGD, yang diterbitkan melalui anak syarikat milik penuh Syarikat, Cagamas Global P.L.C. dijamin sepenuhnya dan tanpa syarat oleh Cagamas manakala terbitan Ringgit, yang akan ditebus pada nilai nominal penuhnya apabila matang, merupakan obligasi tidak bercagar Syarikat, meletakkan kedudukan pari passu dengan semua obligasi tidak bercagar sedia ada Syarikat yang lain.



National Mortgage Corporation of Malaysia

## Mengenai Cagamas

Cagamas Berhad (Cagamas), Perbadanan Cagaran Malaysia, telah ditubuhkan pada 1986 untuk menggalakkan tebaran pemilikan rumah yang lebih luas dan pertumbuhan pasaran gadai janji sekunder di Malaysia. Ia menerbitkan bon dan sukuk untuk membiayai pembelian pinjaman perumahan daripada institusi kewangan dan bukan institusi kewangan. Penyediaan mudah tunai kepada institusi kewangan pada kos yang berpatutan kepada Peminjam utama pembiayaan perumahan menggalakkan pengembangan pembiayaan untuk rumah pada kos yang berpatutan.

Model Cagamas memperoleh pujian daripada Bank Dunia sebagai kemudahan mudah tunai gadai janji sekunder yang paling berjaya. Cagamas merupakan penerbit instrumen hutang kedua terbesar selepas Kerajaan Malaysia dan penerbit bon korporat dan sukuk AAA terbesar dalam pasaran. Sejak diperbadankan pada tahun 1986, Kumpulan Cagamas telah mengumpulkan dana secara kumulatif kira-kira RM439 bilion bon korporat dan sukuk.

Bon dan sukuk Cagamas terus diberikan penarafan tertinggi AAA/Stabil/P1 oleh RAM Rating Services Berhad dan AAA/MARC-1 dan AAA<sub>IS</sub>/MARC-1<sub>IS</sub> oleh Malaysian Rating Corporation Berhad, menandakan kualiti kreditnya yang kukuh. Cagamas juga dipuji di peringkat antarabangsa dan telah diberikan penarafan penerbit jangka panjang dalam mata wang tempatan dan asing A3 oleh Moody's Investors Service Inc. yang selaras dengan penarafan kedaulatan Malaysia.

### **Cagamas Berhad**

No. Pendaftaran 198601008739 (157931-A)  
Aras 32, The Gardens North Tower  
Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra 59200 Kuala Lumpur  
Tel: +603 - 2262 1800 | Faks: +603 - 2282 9125  
[www.cagamas.com.my](http://www.cagamas.com.my)

### **Pertanyaan Media**

Leanne Susau  
Tel: +603 - 2262 1719  
[communications@cagamas.com.my](mailto:communications@cagamas.com.my)

Lucia Wee  
Tel: +603 - 2262 1868  
[communications@cagamas.com.my](mailto:communications@cagamas.com.my)